

# Kerjasama UMS-UGM beri banyak manfaat

UB 15/09/2011 A3

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com

**KOTA KINABALU:** Hubungan kerjasama yang terjalin antara Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universitas Gadjah Mada (UGM), Yogyakarta Indonesia dilihat mampu mendatangkan banyak manfaat bagi kedua-dua pihak.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Brig-Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata ia amat signifikan dalam memacu kecemerlangan dalam menempuh cabaran arus permodenan globalisasi yang semakin kritikal.

Menurutnya, UMS akan sentiasa bersama-sama UGM dalam memperkasa penelitian prestasi mahasiswa serta

berkongsi maklumat dalam kalangan warganya.

“MoU ini juga akan dijayakan dengan pelaksanaan pelbagai program termasuklah program pertukaran mahasiswa dan penghantaran mahasiswa Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPsiKS) UMS untuk menjalani latihan praktikal di Yogyakarta.

“Pihak UMS juga mengalu-alukan pihak UGM untuk menghantar mahasiswa mereka ke sini bagi tujuan yang sama,” katanya ketika berucap pada majlis menandatangani MoU antara UMS dan UGM sempena lawatan Gabenor Daerah Istimewa Yogyakarta, Sri Sultan Hamengku Buwono X ke Sabah di sini kelmarin.

Beliau berkata, kerjasama seumpama itu juga meliputi aktiviti antara pensyarah UMS dan UGM menerusi perkongsian penelitian, penerbitan serta bidang pengajaran melalui persidangan dan simposium yang berkaitan.

Jelasnya, sejak menjalin kerjasama pada tahun 2005, kedua-dua universiti telah melaksanakan pelbagai aktiviti bersama termasuklah pengelolaan seminar mahasiswa pascasarjana dan perkongsian pengetahuan akademik antara pensyarah.

Sementara itu, Hamengku ketika ditemui media berkata sejajar dengan arus dunia globalisasi kini, kerjasama yang dimeterai antara UMS dan UGM mampu menghasilkan lebih banyak produk terutamanya modal insan yang berkualiti.

Menurutnya, melalui produk yang dihasilkan ia juga dapat memberi saingan kepada pasaran luar terutamanya dari Barat.

“Kalau kita hanya menjual produk asing, kita masih belum mampu memberi saingan kepada pasaran dunia.

“Justeru, dengan adanya kerjasama di antara dua negara ini, kita dapat mencipta pembangunan khususnya dari aspek pendidikan dan seterusnya memberi manfaat kepada rakyat,” katanya.

Tambahnya, lawatan berkenaan juga membuka ruang dan peluang kepada pihaknya untuk mencari kemungkinan dari mana-mana sektor yang boleh menjalin kerjasama.

Turut hadir, Pembantu Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Bolkiah Ismail; Konsul Jeneral, Konsulat Indonesia Sabah, Bapak Soepeno Sahid dan wakil Rektor UGM, Prof. Ir. Toni Atyanto Dharoko.



**LAWAT ...** Hamengku diberi penerangan oleh Kamaruzaman semasa lawatan ke Hatceri Institut Penyelidikan Marin Borneo, UMS.